

**DALAM MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
[KES NO: 11/4-2991/20]**

ANTARA

KHALIL ABDULLAH SUBRAMANION

DAN

FOCUS DYNAMICS DRIVES SDN BHD

AWARD NO. 407 TAHUN 2021

DI HADAPAN : **Y.A. TUAN ANDERSEN ONG WAI LEONG**
Bersidang Berseorangan

TEMPAT : Mahkamah Perusahaan Malaysia Kuala Lumpur

TARIKH RUJUKAN : 08.12.2020

TARIKH SEBUTAN : 13.01.2021, 23.02.2021, 10.03.2021

PERWAKILAN : *Bagi pihak menuntut - tidak hadir*

Bagi pihak responden - Khoo Ai Theng; T/n Ng Kee Way

RUJUKAN

Rujukan ini dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia pada 08.12.2020 dibawah *Seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967*. Ianya berpunca daripada pembuangan kerja **KHALIL BIN ABDULLAH SUBRAMANION** (“Yang Menuntut”) oleh **FOCUS DYNAMICS DRIVES SDN. BHD.** (“Responden”) pada **16.05.2020**.

AWARD

Kes ini telah dipanggil untuk sebutan pada 10.03.2021, dalam kehadiran Cik Khoo Ai Theng, Peguamcara bagi Responden dan Yang Menuntut tidak hadir di Mahkamah walaupun telah dimaklumkan oleh Mahkamah mengenai tarikh sebutan tersebut.

Pada tarikh-tarikh sebutan yang lalu pada 13.01.2021 dan 23.02.2021, Yang Menuntut juga tidak hadir secara maya untuk e-sebutan walaupun notis memaklumkan tarikh-tarikh sebutan tersebut telah dihantar kepada Yang Menuntut di alamat terakhirnya yang diketahui.

Mahkamah juga telah cuba menelefon Yang Menuntut tetapi tidak dijawab. Yang Menuntut juga gagal memfailkan dokumen-dokumen seperti yang diarahkan oleh Mahkamah sehingga hari.

Dengan itu, Mahkamah telah membatalkan tuntutan Yang Menuntut dan/atau kes ini terhadap Responden dengan kebebasan untuk menghidupkan semula dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh award ini dikeluarkan.

DIPERTURUNKAN DAN BERTARIKH PADA 10 MAC 2021

(ANDERSEN ONG WAI LEONG)
PENGURUS
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR